

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

HKN 206 – Kesusasteraan Bercorak Islam di Nusantara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Sejauh manakah dapat dikatakan ***Hikayat Nur Muhammad*** merupakan karya metafizik yang memancarkan fahaman ahli-ahli Sufi tentang kewujudan alam ? Berikan jawapan dengan sokongan hujah yang kritis dan contoh-contoh yang mantap.
2. ***Maulud Jawi*** ialah sebuah karya bercorak Islam yang hanya mengutarakan biografi hidup Nabi Muhammad s.a.w semata-mata.

Sejauh manakah kenyataan ini dapat diterima? Berikan jawapan anda dengan meneliti bagaimana pengarang menggunakan bentuk nazam untuk memperlihatkan jalinan struktur dan hakikat yang tersirat melalui karya ini.

3. Dengan mengadunkan contoh-contoh yang wajar, bincangkan secara kritis ciri-ciri umum karya fiksiyen Islam yang terpancar di dalam ***Hikayat Tamim al-Dari***. Tunjukkan juga bagaimana ciri-ciri yang dikemukakan itu berfungsi untuk menyerlahkan keunikan teks tersebut sebagai sebuah karya bercorak Islam.

4. Jelaskan pengertian bingkai sepertimana yang diuraikan oleh Mia.I.Gerhardt dalam bukunya ***The Art of Story Telling***. Kemudian berdasarkan pandangan itu, bincangkan secara ilmiah kedudukan ***Hikayat Maharaja Ali*** sebagai sebuah cerita berbingkai. Jelaskan juga bagaimana intipati teks tersebut dapat difahami dalam dua lapisan makna.

5. C. Skinner telah menyatakan bahawa bahagian pembukaan atau *exordium* ***Sja'ir Perang Mengkasar*** adalah unik. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini? Berikan jawapan anda dengan merujuk kepada cara penulisan Entji' Amin terhadap bahagian tersebut secara terperinci.

6. Bincangkan secara mendalam konsep dan ajaran Wahdatul-Wujud seperti yang dikemukakan oleh Hamzah Fansuri menerusi karyanya ***Ruba'i Hamzah Fansuri***. Hujahan anda harus merujuk kepada pelbagai diksi dan unsur alam yang dianggap boleh mentafsirkan fahaman dan pengalaman kesufian pengarang tersebut.

7. Bincangkan jenis-jenis manusia seperti yang dikemukakan oleh Tuan Tabal dalam kitab karangannya ***Jala' al-Qulub bidhikri'Liah***. Kemudian perlihatkan secara kritis bagaimana penjenisan manusia itu boleh dilentur untuk mencapai status ***al-Insan al-Kamil*** dengan mengikut saranan pengarang kitab ini.